

03/10/1997

Selangor mahu percepat pembangunan Cyberjaya

SHAH ALAM, Khamis - Kerajaan Selangor komited untuk membantu mempercepatkan fasa pembangunan Cyberjaya yang meliputi zon seluas 2,800 hektar selaras hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Besar, Datuk Dr Abu Hassan Omar, berkata pelan zon pembangunan Cyberjaya diluluskan pertengahan September lalu bagi membolehkan bandar raya itu yang meliputi empat fasa mula dilaksanakan.

Selangor memegang lima peratus ekuiti dalam Cyberview Sdn Bhd iaitu pemaju Cyberjaya.

Pemegang ekuiti lain ialah Setia Haruman Sdn Bhd (55 peratus), Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT) (15 peratus), Golden Hope Plantation Bhd (10 peratus), Permodalan Nasional Bhd (lima peratus) dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) memegang baki 10 peratus ekuiti.

Cyberview yang mempunyai modal berbayar RM350 juta dan modal dibenarkan RM2 bilion, membangunkan fasa pertama di tapak 750 hektar yang dijangka disiapkan April 1998.

"Saya ingin menegaskan sokongan penuh Selangor terhadap Koridor Raya Multimedia (MSC) khususnya pembangunan Cyberjaya.

"Selangor komited bagi memberikan sokongan yang perlu terutama dalam bentuk pembangunan infrastruktur untuk bandar raya pintar ini," katanya pada upacara menandatangani memorandum antara syarikat Malaysia dan British untuk melaksanakan aplikasi MSC, di sini, hari ini.

Cyberview merancang melabur lebih RM3.5 bilion dalam tempoh dua tahun akan datang untuk memajukan perbandaran terbabit.

Berhubung pemilikan tanah rizab Melayu di Bukit Damar dan Bukit Limau Nipis dalam kawasan MSC, Abu Hassan berkata, kerajaan negeri berusaha memastikan pemilik tanah turut terbabit dalam projek itu.

(END)